

17/02/2001

Penubuhan Dana Mata Wang Asia topik sidang globalisasi

GAGASAN penubuhan Dana Mata Wang Asia (AMF) dijangka menjadi topik perbincangan dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Februari ini.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Tan Sri Dr Noordin Sopiee, berkata gagasan mengenai arah dan hala tuju AMF itu akan dijelaskan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Sejagat Universiti Keio, Jepun, Dr Eisuke Sakakibara.

Beliau berkata, Dr Sakakibara adalah antara yang bertanggungjawab mengetengahkan idea penubuhan dana berkenaan pada 1997 serta menyandang jawatan Naib Menteri Kewangan Jepun ketika gagasan itu dikemukakan.

Selain itu, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucapan pada hari pertama persidangan dan berdialog dengan peserta persidangan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, pula dijadual menyampaikan ucapan bertajuk 'Mempertahankan Kedaulatan Negara: Dimensi Keselamatan Mengenai Globalisasi' pada hari kedua.

Persidangan yang bertemakan 'Globalisasi: Cabaran dan Tindak Balas' itu dianjurkan Kementerian Kewangan dan Isis.

Kira-kira 500 peserta dari seluruh dunia, termasuk ahli Parlimen, diplomat, ahli perniagaan serta pegawai kanan kerajaan dijangka menghadiri persidangan itu.

Dr Noordin berkata, persidangan bertujuan memperluaskan persefahaman antara negara mengenai faedah dan kesan globalisasi serta tindakan yang perlu dilakukan bagi memelihara kepentingan serta kebajikan semua pihak.

Perkara yang akan dibincangkan meliputi isu kritikal dan cabaran globalisasi terhadap negara Selatan, kesan globalisasi terhadap sosial dan politik, kesan globalisasi dan liberalisasi terhadap ekonomi, perkhidmatan kewangan, cara Asia menangani isu globalisasi serta tindak balas sejagat terhadap globalisasi.

Dr Noordin berkata, persidangan yang menemukan pemikir dunia itu akan memberi manfaat kepada kerajaan dan rakyat negara ini bagi membuat persediaan menangani kemunculan globalisasi.

"Kita perlu melihat peluang yang ada berikutan kemunculan era globalisasi di samping kesan buruknya. Perkara ini memang menjadi keprihatinan Malaysia dan sudah disebutkan dengan jelas dan tegas oleh Dr Mahathir.

"Masalah yang dihadapi sekarang ialah rakyat Malaysia agak perlahan dan tidak cukup maklumat mengenai isu ini. Sehubungan itu, kita perlu memastikan rakyat dapat mempercepatkan langkah untuk menanganinya," katanya.

(END)